

Aktiviti pendakian di Gunung Kinabalu dihentikan sementara elak kejadian buruk

Enam jam turunkan mangsa gempa

Oleh AHMAD ISYAFIQ
MAD. DESA

RANAU — Pasukan penyelamat terpaksa mengambil masa kira-kira enam jam untuk menurunkan kesemua mangsa yang berada di Gunung Kinabalu susulan kejadian gempa bumi dengan kekuatan 5.2 skala Richter yang mengegar daerah ini kelmarin.

Gempa bumi pada pukul 9.06 malam sebelum disusuli gegaran kedua dengan kekuatan 2.8 skala Richter kira-kira 30 minit kemudian.

Gegaran turut dirasai di kebanyakan daerah di pantai barat Sabah termasuk Kota Kinabalu, Tuaran, Kota Belud dan Penampang.

Susulan kejadian itu, kesemua 239 pendaki yang berada di Laban Rata diarahkan meninggalkan lokasi berkenaan dan turun ke kawasan Timbohon secara berperingkat.

Laban Rata yang berada pada ketinggian 3,272 meter dari paras laut merupakan titik persinggahan para pendaki sebelum ke puncak Gunung Kinabalu.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Khairul Azuwan Ibrahim berkata,



ANGGOTA bomba dan penyelamat mengangkat salah seorang mangsa yang diarahkan turun dari Gunung Kinabalu susulan kejadian gempa bumi di Ranau kelmarin.



SEMUA aktiviti pendakian di Gunung Kinabalu dihentikan sementara susulan kejadian gempa bumi di Ranau kelmarin.

operasi khas menurunkan kesemua mangsa bermula pada pukul 10 malam.

Katanya, selain 130 pen-

daki, turut diarahkan turun ialah malim gunung, kakitangan Taman-Taman Sabah, Pasukan Bantuan



SEBAHAGIAN daripada penghuni Pangsapuri Platinum di Putatan keluar meninggalkan kediaman masing-masing selepas berlakunya gegaran kuat.

INFO LOKASI GEMPA BUMI DI RANAU



Mencari dan Menyelamat di Gunung (Mosar), porter, kakitangan hostel dan pekerja pembinaan.

"Kumpulan pertama tiba pada pukul 1.28 pagi dan tiada kemalangan

jiwa dilaporkan. Pasukan bomba melakukan kawalan dari Laban Rata ke Timpohon Taman Kinabalu di sini untuk melancarkan operasi.

"Kumpulan terakhir

pendaki selamat tiba di Timpohon kira-kira pukul 4 pagi," katanya di sini semalam.

Selain bomba, antara pasukan penyelamat yang terlibat dalam operasi tersebut termasuk polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Mosar, Pasukan Mencari dan Menyelamat (SAR) Taman-Taman Sabah dan malim gunung.

Sementara itu, Pengerus Taman Kinabalu, Yassin Miki berkata, aktiviti pendakian di Gunung Kinabalu ditutup sertamerta bermula semalam susulan kejadian itu.

Jelasnya, arahan dikeluarkan selepas pihaknya membuat penilaian terhadap aspek keselamatan selain keadaan laluan yang dikuatiri tidak selamat kesan gegaran tersebut.